

15 MAR 2004

Abdullah-Menang

PENARIKAN DIRI CALON LAWAN BUKTI TIADA PERANAN PEMBANGKANG

IPOH, 15 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyambut baik tindakan tiga calon lawan menarik diri daripada bertanding menentang Barisan Nasional (BN) di tiga lagi kawasan dewan undangan negeri (DUN) Sabah menjelang hari pengundian Ahad ini.

"Alhamdulillah, ertinya kalau mereka dah undur diri itu bermakna mereka rasa tidak ada peranan bagi mereka sebagai pembangkang di kawasan-kawasan berkenaan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Stadium Indera Mulia di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika dimaklumkan mengenai kemenangan tanpa bertanding BN di tiga kawasan berkenaan -- Labuk, Klias and Pantai Manis -- apabila dua calon pembangkang dan seorang calon bebas menarik pencalonan mereka dalam tempoh bertenang selama tiga hari berakhir esok.

Dengan perkembangan itu, BN kini memenangi tujuh kerusi DUN Sabah tanpa bertanding, menjadikan jumlah keseluruhan kerusi DUN yang dimenangi di seluruh negara sebanyak 10 sejak hari penamaan calon Sabtu lepas.

"Nampaknya mereka ikhlas sepertimana yang berlaku di Kota Tinggi di mana Datuk Seri Syed Hamid Albar menang tanpa bertanding semalam," katanya.

Penarikan diri calon PAS daripada bertanding di kawasan Parlimen Kota Tinggi semalam menjadikan jumlah kerusi parlimen yang dimenangi BN setakat ini sebanyak 15.

Ini bermakna para pemilih akan mengundi bagi 204 kawasan parlimen Ahad ini.

Abdullah berkata kemenangan tanpa bertanding BN itu tetap bermakna kerana ia bukan diperolehi disebabkan pihak lawan membuat kesilapan teknikal ketika menyerahkan borang pencalonan.

"Bila calon itu dengan rela hati beri jalan, beri laluan kepada BN, maka itu adalah satu kemenangan yang `genuine' (tulen) juga kerana

pihak
parti pembangkang tidak bersedia dan merasakan tidak wajar untuk
bertanding," katanya.

Sebelum itu, Abdullah, yang pertama kali mengetuai BN dalam
pilihan
raya umum sejak mengambil-alih jawatan daripada Tun Dr Mahathir
Mohamad
pada 31 Okt lepas, meminta anggota dan penyokong parti supaya jangan
sekali-kali bersikap terlalu yakin setelah memenangi lebih 20 kerusi
tanpa
bertanding.

Malahan, katanya, mereka seharusnya bekerja dengan lebih gigih
untuk
mendapatkan kemenangan yang benar-benar besar dalam pilihan raya
ini.

Beliau juga berharap para pengundi menunaikan tanggungjawab
keluar
mengundi pada Ahad dan tidak menganggap bahawa satu undi mereka
tidak
memberikan kesan kepada proses pemilihan.

"Kita mahu supaya seramai mungkin, kalau boleh biar 100 peratus
mereka
yang boleh mengundi, keluar mengundi," katanya yang semalam
melancarkan
manifesto BN bertemakan "Cemerlang, Gemilang, Terbilang".

"Maka dengan itu nanti, apa juga mandat yang akan kita terima
akan
menjadi satu bayangan yang baik tentang sokongan sebenar rakyat,"
katanya.

Ketika ditanya apakah peratus kecil yang mengundi merupakan
sesuatu
yang tidak baik bagi BN?, beliau berkata: "Saya bukan memperkatakan
mengenai yang baik atau buruknya bagi Barisan tetapi ia tidak baik
bagi
Malaysia."

Ini kerana ia menunjukkan seolah-olah rakyat tidak menghiraukan
tanggungjawab mereka dan tidak baik sekiranya kerajaan yang
ditubuhkan
nanti adalah kerajaan yang menang kerana jumlah yang keluar mengundi
merupakan bilangan kecil.

Ketika diminta mengulas kempen Pengerusi DAP Lim Kit Siang
bahawa undi
untuk beliau merupakan undi bagi mengembalikan suara rakyat kepada
Parlimen, Abdullah berkata BN juga mewakili suara rakyat.

"Kami juga suara rakyat. Bila kita menjadi wakil rakyat, wakil
rakyat
merupakan suara rakyat...itu maknanya wakil rakyat dan merekalah
yang akan
membawa nanti harapan rakyat," katanya.

Dalam pilihan raya ini, Lim mencabar calon BN Thong Fah Chong
yang
menjadi penyandang di kawasan parlimen Ipoh Timur.

-- BERNAMA
AZZ RON